

**KONSEP DAN PELAKSANAAN *SOFT SKILLS* DI
KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI MALAYSIA (KUKTEM)**

Haslinda Hashim, Muhammad Nubli Abd Wahab & Zarina Mohd Ali
haslinda@kuktem.edu.my mnubli@kuktem.edu.my zarina_mohdali@hotmail.com

Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)
Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM)
Karung Berkunci 12, 25000 Kuantan, Pahang
MALAYSIA
Tel: +6095492466, Faks: +609 549 2477
Laman web: <http://www.kuktem.edu.my/>

Abstrak

Soft Skills merupakan satu keperluan yang sering disenaraikan oleh majikan khususnya dalam bidang perindustrian sebagai syarat utama dalam menilai bakal pekerja sewaktu mengiklankan kekosongan jawatan dan semasa proses temuduga. Malah, penekanan terhadap *Soft Skills* ini tidak hanya terhenti setakat itu sahaja bahkan terdapat majikan yang menyediakan peruntukan yang besar untuk membiayai program-program pembangunan diri yang berkaitan dengan *Soft Skills*. Menyedari hakikat ini, Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Program *Soft Skills* ke dalam kurikulum pengajian programnya. Meskipun *Soft Skills* itu sendiri mempunyai pelbagai istilah atau nama dan secara umumnya kelihatan sukar untuk dinilai disebabkan oleh sifatnya yang saling berkaitan dan subjektif, namun KUKTEM sentiasa berusaha memantapkan lagi program ini. Kertas ini bertujuan memperkenalkan konsep dan pelaksanaan *Soft Skills* di KUKTEM sesuai dengan visi dan misinya untuk menghasilkan graduan kejuruteraan dan teknologi bertaraf dunia dalam bidang teknikal dan berketrampilan cemerlang dalam kemahiran bukan teknikal.

Kata kunci: *Soft Skills*; kemahiran generik; kemahiran bukan teknikal

1. PENDAHULUAN

Pengangguran merupakan satu perkara yang sering diperkatakan dan sejak akhir-akhir ini menjadi semakin meruncing dalam kalangan graduan universiti. Semasa menjawab soalan di Parlimen pada 20 Feb 2005, Timbalan Menteri Sumber Manusia menyatakan bahawa daripada 600,000 orang penganggur, sejumlah 18,000 adalah lulusan universiti. Menyedari perkara ini menjadi semakin serius, kerajaan telah mewujudkan Skim Latihan Graduan Menganggur yang bertujuan membantu meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan teknologi maklumat (ICT), sesuai dengan saranan Perdana Menteri (2002). Namun tanpa melalui program latihan seumpama ini, peluang bagi graduan yang baru menamatkan pengajian untuk mendapat pekerjaan, khususnya dalam sektor perindustrian, dilihat begitu tipis sekali. Maka, tidak hairanlah jika kemahiran insaniah atau *Soft Skills* dianggap satu perkara yang sangat penting sehingga program *Soft Skills* dijadikan sebahagian daripada kurikulum peringkat prasiswazah di Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM). Justeru, kertas ini bertujuan memberikan gambaran tentang konsep dan pelaksanaan program *Soft Skills* di KUKTEM sebagai sebahagian daripada kurikulum untuk membimbing para pelajar agar lebih bersedia untuk memasuki alam pekerjaan kelak.

2. KONSEP DAN KAEDAH PELAKSANAAN

Oleh kerana *Soft Skills* dianggap sebagai kemahiran yang sangat diperlukan dalam bidang industri, maka program-program latihan amat dititikberatkan oleh pihak majikan. Sungguhpun demikian, peluang yang terhad untuk menawarkan pekerjaan kepada ribuan graduan lulusan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mahupun swasta (IPTS) dan faktor kekangan kewangan di alaf baru ini mendorong

majikan untuk mencari bakal pekerja yang sudah pun memiliki pelbagai kemahiran tanpa perlu memberi pendedahan melalui latihan dalam perkhidmatan (*in-house training*). Perubahan ini mempengaruhi industri untuk mengharapkan agar peranan dan tanggungjawab memberi pendedahan asas ini diambil alih oleh institusi pendidikan (Hussey, 2002). Atas dasar inilah, pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengambil inisiatif untuk mengumpulkan para ahli akademik dan tokoh-tokoh dalam bidang industri untuk bertukar pandangan dalam siri seminar dan persidangan, seperti *Seminar IPTA dan Industri* yang diadakan di Bangi pada 6-7 Ogos 2002. Dalam seminar ini, berdasarkan maklum balas yang diterima, para cendekiawan dan tokoh perindustrian telah bersependapat bahawa graduan universiti tempatan didapati bukan sahaja lemah dalam kemahiran teknikal bahkan juga dalam kemahiran komunikasi, kemahiran kepimpinan, kemahiran menyelesaikan masalah, selain bersikap negatif dan lain-lain lagi. Sejalan dengan perkembangan ini, KUKTEM telah mengorak langkah ke arah merealisasikan pelaksanaan *Soft Skills* dengan menjalankan kajian yang menggabungkan tenaga pakar dari bidang industri kejuruteraan dan juga pembangunan insan bagi membentuk kerangka pelaksanaan *Soft Skills* universiti. Hasilnya, lahirlah program *Soft Skills* KUKTEM.

Dari segi istilah, selain *Soft Skills*, kemahiran insaniah ini mempunyai pelbagai nama: antaranya seperti yang dinyatakan di dalam laporan *Soft Skills CPD: Foundation Skills for Good Professional Practice* iaitu "*human skills, non-technical skills, generic skills, essential skills, employability skills.*" Menurut Jackson (1999), *soft skills* meliputi "*a wide variety of basic knowledge, values, and life skills that are necessary to obtain a job and keep it*" sementara bagi Alpern (1997) pula, *Soft Skills*

merupakan kemahiran yang dianggap sangat penting bagi membolehkan seseorang pekerja untuk bekerja "*smarter, not harder*".

Secara ringkasnya, Program *Soft Skills* KUKTEM ini memberikan penekanan kepada aspek-aspek berikut (rujuk lampiran) iaitu: (a) menjelaskan konsep dan pelaksanaan *Soft Skills*; (b) menjalankan program latihan *Soft Skills* yang telah ditentukan; dan (c) mewujudkan suasana pembelajaran yang membolehkan pelajar mempraktikkan *Soft Skills* dalam kehidupan harian. Dari segi konsep, Program *Soft Skills* ini merupakan satu program bersepadu yang dirangka bagi membangunkan sahsiah pelajar yang trampil berteraskan lima elemen utama iaitu *Positive Values*, *Teamworking*, *Learning Capabilities*, *Communication Skills (oral and written)* dan *Leadership* bagi mencapai visi KUKTEM untuk menjadi "*a world class competency-based technical university*". Elemen-elemen ini dipilih sebagai teras kerana kelima-limanya merupakan asas yang terpenting dalam *Soft Skills* pada waktu ini. Namun penambakan terhadap elemen-elemen ini dilaksanakan dari masa ke semasa demi memenuhi kehendak terkini pasaran kerja.


Bagi memperhalusi kesemua elemen yang menjadi asas penting ini, setiap elemen mempunyai perincian masing-masing yang menjadi garis panduan penilaian *Soft Skills*. Elemen pertama iaitu *Positive values* dinilai sekurang-kurangnya dua kali dalam satu semester iaitu pada minggu ke-7 dan minggu ke-15. Elemen ini diperincikan lagi dengan lima aspek khusus iaitu kehadiran, ketepatan masa, kepatuhan terhadap undang-undang dan peraturan Universiti serta tatatertib dari segi penampilan diri.

Sementara itu, empat elemen seterusnya dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam satu semester iaitu pada minggu ke-15. Dalam elemen kedua iaitu *Teamworking*, perincian dibuat dari segi penglibatan pelajar secara aktif dalam menyiapkan sesuatu projek atau tugas, kerjasama yang diberikan untuk menyiapkan projek atau tugas dalam tempoh yang ditetapkan serta sumbangan yang diberikan dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul. Dari segi pembelajaran pula, elemen ketiga iaitu *Learning capabilities* memberi penekanan terhadap keupayaan pelajar mensintesis maklumat daripada pelbagai sumber yang berkaitan dan minat yang ditunjukkan oleh pelajar untuk terus memperbaiki prestasi serta penglibatan dalam aktiviti dalam bilik/dewan kuliah.

Selanjutnya, kemahiran berkomunikasi (*Communication Skills*) turut diberi perhatian dengan membahagikannya kepada kemahiran bertutur (*oral*) dan menulis (*written*). Kemahiran bertutur dinilai berdasarkan perincian berikut iaitu: (a) kesesuaian bahasa lisan yang digunakan iaitu dari aspek tatabahasa dan sebutan; (b) isi kandungan iaitu ketepatan maklumat dan susunannya serta kejelasannya; (c) gaya penyampaian iaitu mempunyai *eye contact* dengan *audience* dan suara yang jelas; dan (d) persiapan yang dibuat oleh pelajar sebelum persembahan atau pembentangan (contoh: dengan mengadakan sesi *interview* atau temubual sebelum persembahan atau pembentangan dibuat). Dalam kemahiran menulis, selain perincian seperti (a) dan (b) dalam kemahiran bertutur (kecuali aspek sebutan), perkara seperti penggunaan sumber rujukan/maklumat secara efektif juga diberi perhatian iaitu merangkumi aspek ketepatan maklumat dan kejelasan penyampaian isi kandungan serta ketertiban susunannya. Sementara itu, dalam elemen yang kelima iaitu *Leadership*, sifat-sifat seperti amanah, sedia memikul tanggungjawab dan trampil

dalam bidang atau perkara yang dinilai merupakan tiga ciri khusus yang dititikberatkan. Kelima-lima elemen inilah yang menjadi panduan bagi penilaian dalam Program *Soft Skills* di KUKTEM.

Dari segi kaedah pelaksanaannya, pengurusan program *Soft Skills* di KUKTEM diletakkan di bawah penyelarasan Pusat Bahasa dan Sains Kemanusiaan (PBMSK) seperti yang digambarkan dalam Rajah 1 berikut:




PETUNJUK:

- ASDC = *Academic Skills Development Centre*
 KMC = *Knowledge Management Centre*
 PBMSK = *Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan*
 HEP = *Hal Ehwal Pelajar*

Rajah 1: Kerangka Pelaksanaan Program *Soft Skills* di KUKTEM

Sungguhpun PBMSK memikul amanah menguruskan program *Soft Skills* KUKTEM, tanggungjawab dari segi pembinaan dan penilaian turut dikongsi PBMSK bersama-sama kesemua fakulti yang ada, bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), pihak Kolej Kediaman dan pusat pengurusan ilmu atau *Knowledge Management Centre* (KMC) serta *Academic Skills Development Centre* (ASDC) yang turut berperanan dalam menerapkan elemen-elemen *Soft Skills* kepada staf akademik.

Sementara itu, meskipun PBMSK telah diamanahkan untuk menyelaras program *Soft Skills* ini, namun Senat KUKTEM merupakan entiti yang mempunyai kuasa mutlak tertinggi dari segi struktur organisasi. Dalam melaksanakan tanggungjawab menyelaras program *Soft Skills* ini, Dekan dan Penyelaras *Soft Skills* PBMSK turut dibantu oleh satu jawatankuasa yang terdiri daripada semua Penyelaras *Soft Skills* di semua fakulti, HEP, Kolej Kediaman, bahagian atau unit yang berkaitan. Kesemua penyelaras ini pula dibantu oleh semua pensyarah mata pelajaran dan staf yang terlibat dalam membuat penilaian *Soft Skills* pelajar. Hal ini bermakna setiap perkembangan pelajar dapat dipantau secara teratur seperti yang digambarkan dalam Rajah 2 berikut:



Rajah 2: Struktur Organisasi Program *Soft Skills* di KUKTEM

Oleh kerana kemahiran insaniah ini berkaitan dengan pembangunan sahsiah, maka program *Soft Skills* di KUKTEM merupakan satu program bersepadu yang dilaksanakan secara berterusan melalui aktiviti yang bersifat akademik dan bukan akademik di dalam dewan/bilik kuliah seperti pengajaran dan pembelajaran di fakulti dan PBMSK sendiri serta di luar dewan/bilik kuliah (termasuk Sabtu dan Ahad)

seperti aktiviti kelab, persatuan dan badan beruniform di bawah penyeliaan PBMSK, program-program kelolaan fakulti atau kelolaan Kolej Kediaman, aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan *KMC*.

Dalam usaha untuk memastikan keberkesanannya, program *Soft Skills* di KUKTEM ini merupakan kursus wajib yang diberi nilai kredit iaitu satu (1) kredit bagi tahap pertama (UHS1011) dan satu (1) kredit lagi bagi tahap kedua (UHS2011). Pendaftaran kursus tahap pertama dan kedua ini dilakukan mengikut jadual yang telah dipersetujui bersama oleh pihak Fakulti dan pihak PBMSK (rujuk Jadual 1).

FAKULTI	PROGRAM	KOD KURSUS	SEMESTER PENDAFTARAN
FKKSA FKEE FKM	Diploma	<i>Soft Skills</i>	Semester 3
		Tahap 1 & 2	Semester 5
FKM	Ijazah Sarjana Muda	<i>Soft Skills</i>	Semester 4
		Tahap 1 Tahap 2	Semester 7

PETUNJUK:


FKKSA =	Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli
FKEE =	Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
FKA =	Fakulti Kejuruteraan Awam
FKM =	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Jadual 1: Pendaftaran UHS 1011 dan UHS 2011 Mengikut Fakulti di KUKTEM


Meskipun pendaftaran bagi tahap pertama *Soft Skills* ini dilakukan pada semester tertentu seperti di dalam Jadual 1, penglibatan pelajar dalam semua aktiviti *Soft Skills* dikira meliputi sepanjang semester 1, 2 dan 3 bagi pendaftaran yang dilakukan pada semester 3. Begitulah juga bagi pendaftaran yang dilakukan pada semester 4, penglibatan pelajar adalah bermula dari semester 1 hinggalah semester 4. Sementara itu, bagi tahap kedua *Soft Skills* pula, penglibatan pelajar dikira dari semester 4 dan 5 bagi pendaftaran pada semester 5 atau bermula dari semester 5,6 dan 7 bagi pendaftaran yang dilakukan pada semester 7. Kedua-dua tahap ini perlu disempurnakan oleh setiap pelajar sebagai prasyarat graduasi dengan gred Hadir

Lulus (HL). Kegagalan melepasi mana-mana tahap atau Hadir Gagal (HG) mengakibatkan pelajar berkenaan dikehendaki menjalani sesi klinik (*Soft Skills Clinic*) selama satu (1) semester yang dikendalikan oleh pensyarah PBMSK yang dilantik dalam kalangan *KUKTEM Soft Skills Focus Group*. Selain penilaian melalui aktiviti di dalam mahupun di luar dewan/bilik kuliah yang telah dirancang, pemantauan sahsiah pelajar juga dilakukan sepanjang masa berdasarkan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dan Buku Peraturan dan Tata tertib KUKTEM. Jika didapati melanggar mana-mana peraturan dalam AUKU, pelajar boleh diberikan penilaian KT (Tidak Trampil) yang menyebabkan gred HG.

Dalam Program *Soft Skills*, ketrampilan pelajar dinilai berdasarkan nilai mata terkumpul sepanjang tempoh penilaian dan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu: **(a) KY (Trampil Cemerlang)** bagi pelajar yang memenuhi kehadiran 100% semua aktiviti di bawah program *Soft Skills* dan melepasi tahap minimum ketrampilan berdasarkan nilai mata terkumpul; **(b) KY (Trampil Baik)** bagi pelajar yang memenuhi kehadiran 100% semua aktiviti di bawah program *Soft Skills* dan mencapai tahap minimum ketrampilan berdasarkan nilai mata terkumpul; dan **(c) KT (Tidak Trampil)** bagi pelajar yang gagal memenuhi kehadiran 100% semua aktiviti di bawah program *Soft Skills* tanpa alasan yang munasabah dan gagal mencapai tahap minimum ketrampilan berdasarkan nilai mata terkumpul. Penilaian dan keputusan akhir *Soft Skills* seseorang pelajar sama ada KY (Trampil Cemerlang), KY (Trampil Baik) atau KT (Tidak Trampil) akan direkodkan secara rasmi oleh para penilai mengikut kapasiti dan autoriti masing-masing ke dalam satu sistem pengurusan penilaian integrasi berkomputer atau *Integrated Management System (IMS)* seperti ditunjukkan dalam Rajah 3a dan Rajah 3b berikut:



Rajah 3a: Pemilihan elemen *soft skills* yang hendak dinilai



Rajah 3b: Pemilihan elemen *soft skills* yang hendak dinilai

Setelah penilaian dibuat dan gred diberikan, para pelajar boleh menyemak keputusan pencapaian mereka melalui *IMS* ini. Kedua-dua KY (Trampil Cemerlang) dan KY (Trampil Baik) akan membawa kepada gred HL sementara KT (Tidak Trampil) mengakibatkan gred HG. Pelajar yang berjaya memenuhi syarat-syarat program *Soft Skills* akan dianugerahi *Sijil Soft Skills* sebagai pengiktirafan yang boleh menjadi nilai tambah kepada kualiti graduan yang dihasilkan oleh KUKTEM selain diploma atau ijazah.

3. PENILAIAN TERHADAP PROGRAM *SOFT SKILLS*

Program *Soft Skills* di KUKTEM telah pun mendapat pengiktirafan KPT sebagai ikon yang menjadi model IPTA tempatan kepada pelaksanaan pembinaan sahsiah bersepadu merentasi kurikulum. Namun begitu, penilaian terhadap pelaksanaan program ini sentiasa dilakukan secara berterusan untuk

penambahbaikan. Sehubungan ini, PBMSK telah pun mengadakan satu tinjauan melibatkan 373 orang pelajar dan 49 orang tenaga pengajar KUKTEM yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program *Soft Skills* ini bagi mendapat maklum balas yang membina dengan mengedarkan borang soal selidik. Dalam kajian ini, tiga domain utama menjadi fokus iaitu aspek **kesedaran** (*awareness*), **pemahaman** (*understanding*) dan **implikasi** (*implication*) berkaitan dengan konsep dan pelaksanaan program *Soft Skills* di KUKTEM (lihat Lampiran).

3.1 Kesedaran terhadap program *Soft Skills* di KUKTEM

Di KUKTEM, pendedahan dan penerangan terperinci berkenaan dengan program *Soft Skills* ini dilakukan seawal minggu orientasi pelajar atau Minggu Induksi Siswa (MINDS) pada permulaan sesi pengajian akademik yang baru. Bentuk pendedahan dan penerangan yang diberikan kepada pelajar pula adalah bersifat praktikal dan bukannya berupa siri ceramah yang membosankan. Aktiviti-aktiviti yang diatur seperti penasihat akademik, kegiatan kerohanian di kolej kediaman, kegiatan ko-kurikulum seperti kelab, persatuan dan badan beruniform serta bengkel-bengkel kemahiran memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk menonjolkan potensi mereka dalam kemahiran-kemahiran yang dikaitkan dengan *soft skills*. Oleh yang demikian, pelajar seharusnya telah mempunyai kesedaran asas terhadap program *Soft Skills* yang dilaksanakan di KUKTEM seperti yang digambarkan oleh maklum balas pelajar iaitu hampir 100% pelajar mengakui bahawa mereka menyedari kewujudan program ini meskipun terdapat 12% (46) tidak menyedari bahawa mereka dinilai melalui program ini. Hal ini memberi gambaran bahawa terdapat pelajar yang kurang memberi tumpuan semasa pendedahan dan penerangan diberikan.

Sementara itu, dalam kalangan kakitangan akademik yang terdiri daripada pensyarah, tutor, guru dan jurutera pengajar pula, hanya 2% (1) yang tidak menyedari kewujudan program *Soft Skills* ini di KUKTEM dan oleh yang demikian tidak menyedari bahawa para pelajar perlu dinilai melalui program ini. Memandangkan tarikh melapor diri bagi staf atau *associates* baru di KUKTEM adalah berbeza kerana pengambilan staf baru berlaku sepanjang tahun, maka sudah semestinya terdapat *associates* yang tidak sempat hadir semasa *Soft Skills Awareness Program*. Sungguhpun demikian, sesuai dengan persekitaran di KUKTEM yang berasaskan e-pembelajaran, terdapat bahan rujukan berkaitan yang sentiasa boleh dibaca dan dimuat turun. Malahan di PBMSK dan semua fakulti, terdapat *associate* yang dilantik untuk menyelaras hal ehwal berkenaan dengan program *Soft Skills* dan mereka ini sentiasa boleh dihubungi jika terdapat sebarang kemusykilan.

3.2 Pemahaman terhadap program *Soft Skills* di KUKTEM

Berdasarkan maklum balas pelajar dalam tinjauan ini juga, sungguhpun peratusan bagi kesedaran pelajar terhadap program *Soft Skills* ini hampir 100% dan peratusan bagi kesedaran pelajar bahawa mereka dinilai melalui program ini hampir 90%, namun dari segi pemahaman pelajar terhadap elemen-elemen yang wujud dalam program *Soft Skills* dan cara penilaian dilakukan terhadap mereka dalam program ini, peratusan masing-masing didapati menurun kepada 76% (283) dan hanya 57% (212). Hal ini menunjukkan bahawa pelajar masih perlu diberikan pendedahan dan penerangan yang lebih berkesan lagi. Segelintir pelajar berasa kekok untuk menyesuaikan diri dengan konsep dan pelaksanaan program *Soft Skills* lalu menganggapnya sebagai satu perkara baru yang agak asing dan janggal bagi

mereka memandangkan di KUKTEM, ia dijadikan sebahagian daripada kurikulum dan dilaksanakan secara bersepadu.

Dalam kalangan kakitangan akademik sebagai tenaga pengajar dan penilai pula, hal yang sama diperhatikan dengan wujudnya 18% (9) yang tidak memahami elemen-elemen yang wujud dalam program *Soft Skills* dan 27% (13) yang tidak memahami cara penilaian dibuat. Rata-ratanya para *associates* KUKTEM memiliki latar belakang yang berbeza mengikut bidang pengkhususan dan institusi pengajian serta pengalaman bekerja. Faktor latar belakang yang berbeza ini juga memberi kesan terhadap pemahaman dan penerimaan mereka terhadap pelaksanaan program *Soft Skills* ini dan juga cara penilaian dilakukan kerana mungkin pelaksanaan *soft skills* secara bersepadu dengan kurikulum pengajian merupakan perkara baru bagi sesetengah *associates*. Di samping itu juga, *associates* yang baru memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan *IMS* yang mungkin tidak wujud di tempat kerja mereka sebelumnya. Hal ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada prosedur merekodkan penilaian kerana di KUKTEM segala laporan termasuk penilaian *soft skills* perlu direkodkan di dalam *IMS*. Sungguhpun begitu, pihak PBMSK, KMC dan Pusat Komputer atau *ICT Centre* sentiasa bersedia untuk memberi khidmat bantuan penerangan, maklumat teknikal dan sokongan sesuai dengan fungsi dan kepakaran masing-masing kepada semua *associates* di KUKTEM.

3.3 Implikasi terhadap pelaksanaan program *Soft Skills* di KUKTEM

Meskipun terdapat sedikit sebanyak kekurangan dan masalah dalam melaksanakan program *Soft Skills* di KUKTEM sama ada dari perspektif pelajar mahupun kakitangan akademik, namun majoriti (lebih 75%) pelajar dan tenaga

pengajar bersetuju bahawa program ini berupaya meningkatkan penglibatan pelajar di dalam dewan/bilik kuliah dan kedua-dua pihak juga sependapat bahawa program ini berupaya memperbaiki sahsiah pelajar. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pelajar sebagai pihak yang dinilai dan kakitangan akademik selaku penilai mempunyai sikap yang positif terhadap pelaksanaan program *Soft Skills* di KUKTEM. Akan tetapi, satu perkara yang tidak dapat dinafikan – terdapat sekurang-kurangnya satu perlima daripada kesemua responden yang tidak setuju bahawa program *Soft Skills* berjaya meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti di dalam dewan/bilik kuliah dan kira-kira satu perempat daripada kesemua responden juga tidak setuju yang program *Soft Skills* di KUKTEM ini berupaya memperbaiki sahsiah pelajar. Perkara ini wajar diberi perhatian kerana berdasarkan keputusan semester kedua sesi 2004/2005, terdapat 21 kes pelajar mendapat gred KT (Tidak Trampil) dalam penilaian tahap pertama iaitu UHS 1011 yang berlatarbelakangkan masalah yang berbeza-beza. Kesemua 21 orang pelajar ini seterusnya perlu menjalani sesi Klinik *Soft Skills*.

4. KESIMPULAN

PBMSK sebenarnya mempunyai tugas yang amat berat untuk melaksanakan amanah yang telah diberikan dalam menjadi peneraju utama dan pengawal selia program *Soft Skills* ini. Pelaksanaan program ini tidak akan membuahkan hasil sebagaimana yang diharapkan jika tiada kerjasama daripada semua pihak khususnya para *associates* dan pelajar KUKTEM sendiri. Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan program dan keberkesanannya, staf akademik mahupun pelajar perlulah diberi pendedahan dan penerangan yang lebih jelas secara berterusan agar mereka sedar dan faham elemen-elemen penting dalam program *Soft Skills* di KUKTEM serta cara penilaiannya. Hanya dengan **kesedaran** yang murni dan **kefahaman** yang

mendalam akan membawa kepada keyakinan yang teguh terhadap kepentingan kelima-lima elemen penting seperti *Positive values*, *Teamworking*, *Learning capabilities*, *Communication skills* dan *Leadership* yang menjadi teras kepada program *Soft Skills* di KUKTEM. Keyakinan ini seterusnya akan dapat memberi **implikasi** terhadap keinginan untuk sentiasa berusaha mencapai kecemerlangan baik dari segi sahsiah diri mahupun dalam apa jua kerja yang dilakukan.

Masih banyak lagi ruang yang perlu dimanfaatkan supaya setiap kelemahan dapat dikenal pasti secara lebih spesifik dengan mengadakan beberapa siri kajian lanjutan. Sehubungan ini, para penyelidik berharap agar kajian lanjutan dapat dilakukan dengan memberi fokus kepada perincian kelemahan yang ada, punca-puncanya dan jalan penyelesaiannya. Bagi menjadikan program *Soft Skills* ini sebagai satu "produk" yang berdaya saing, boleh dikomersilkan dan bersifat *global yet local*, kajian lanjutan yang dicadangkan juga sewajarnya membuat perbandingan dengan program-program seumpamanya di IPT luar negara. Sebagai permulaan, pelaksanaan *BTEC Key Skills* dan *BTEC Common Skills* bagi program *BTEC (Business & Technology Education Council)* di UK oleh *Edexcel UK* yang sememangnya mendapat pengiktirafan antarabangsa meskipun diolah mengikut kesesuaian setempat dengan motto, "*delivered locally, recognised globally*" boleh dijadikan titik tolak perbandingan yang seterusnya boleh dilanjutkan kepada contoh-contoh program yang lain. Walau bagaimanapun, kita perlu menyedari bahawa meskipun *soft skills* semakin diberi perhatian, usaha sebegini tidak begitu mendapat perhatian daripada pelajar mahupun kakitangan yang berkhidmat dalam bidang kejuruteraan (Pulko & Parikh, 2003). Oleh itu, pelaksanaan dan penilaian program ini perlu dibuat secara berterusan supaya ia dapat memberikan kesan yang

menyeluruh dan bersepadu agar graduan yang dihasilkan KUKTEM mempunyai kemahiran teknikal bersifat *hands-on* bertaraf *world class* dan memiliki *soft skills* yang cemerlang serta menjadi contoh kepada graduan bidang kejuruteraan di IPTA lain mahupun di IPTS.

RUJUKAN

- Abdullah, A.B. (2002). *Graduan diminta tingkat kemahiran*. Berita Harian. Dimuat turun dari <http://www.mohr.gov.my/mygoveg/extras/isuyulyaug02.htm>
- Bowles, R.J. (2003). *Does the Inclusion of "Soft Skills" Training in a Technical Workforce Development Program Effect Student Motivation?* Middlesex Community College, Massachusetts.
- Clerk, J. (2005). *Soft Skills can deliver solid advantages*. Dimuat turun dari www.iht.com/articles/2005/05/13/news/sp-intbizmay-10.php
- Copin, B. (2004). *For new graduates, 'soft skills' are the secret weapon in job hunt*. Dimuat turun dari www.usatoday.com/news/opinion/editorials/2004-06-09-coplin.xhtm
- Fatmawati, L., Norrihan, S., Muhammad Nubli, A.W., Mansor, S. & Mohd Azam, M.A. (2005). *Moulding Soft Skills Module for KUKTEM*. Penerbit KUKTEM: Kuantan.
- Jackson, P. (1999). *What are Soft Skills?* Dimuat turun dari www.enterprisefoundation.org/modeldocuments/1188.htm
- Pulko, S.H. & Parikh, S. (2003). *Teaching 'soft' skills to engineers*. International Journal of Education in Electrical Engineering. University of Hull, Hull, UK.
- _____ *The Nature of Soft Skills*. (2004). Dimuat turun dari www.lawlink.nsw.gov.au/lawlink/professional_standard_council/psc_11.nsf/pages/PSC_cpd_natureofsoftskills

LAMPIRAN

BIL.	ELEMEN	PERINCIAN
1.	<i>Positive values</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Achieves 100% attendance</i> • <i>Practices punctuality</i> • <i>Submits all academic assignment on time</i> • <i>Abides by the University's Rules & Regulations</i> • <i>Wears appropriate attire according to the University's Rules & Regulations</i>
2.	<i>Teamworking</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Takes part actively in completing project assigned</i> • <i>Cooperates to meet deadlines</i> • <i>Contributes to problem solving</i>
3.	<i>Learning capabilities</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Synthesizes information from various and relevant resources</i> • <i>Shows interest to continuously improve</i> • <i>Participates in class</i>
4.	<i>Communication skills</i>	<p>4.1 <i>Oral Communication</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Uses appropriate language expressions</i> <ul style="list-style-type: none"> - <i>shows grammatical accuracy</i> - <i>uses correct pronunciation</i> • <i>Presents sufficient content</i> <ul style="list-style-type: none"> - <i>includes accurate information</i> - <i>presents information clearly</i> - <i>organizes information well</i> • <i>Displays good delivery</i> <ul style="list-style-type: none"> - <i>maintains eye contact</i> - <i>maintains clear voice</i> • <i>Prepares well</i> <p>4.2 <i>Written communication</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Uses appropriate language expressions</i> <ul style="list-style-type: none"> - <i>shows grammatical accuracy</i> • <i>Presents sufficient content</i> <ul style="list-style-type: none"> - <i>includes accurate information</i> - <i>presents information clearly</i> - <i>organizes information well</i> • <i>Uses resources/references effectively</i> <ul style="list-style-type: none"> - <i>includes accurate information</i> - <i>presents information clearly</i> - <i>organizes information well</i>
5.	<i>Leadership</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Is trustworthy</i> • <i>Is willing to take responsibility</i> • <i>Is competent in the subject matter</i>

Jadual 2: Lima elemen penting Program *Soft Skills* KUKTEM dan perinciannya

Domain	No	Item	Ya	Tidak
Kesedaran (<i>Awareness</i>)	1	Adakah anda menyedari kewujudan program <i>Soft Skills</i> di KUKTEM?	97% (362)	3% (11)
	2	Adakah anda menyedari bahawa anda dinilai melalui program <i>Soft Skills</i> ?	88% (327)	12% (46)
Pemahaman (<i>Understanding</i>)	3	Adakah anda faham elemen-elemen yang wujud dalam program <i>Soft Skills</i> ?	76% (283)	24% (90)
	4	Adakah anda faham bagaimana anda dinilai dalam program <i>Soft Skills</i> ?	57% (212)	43% (161)
Implikasi (<i>Implication</i>)	5	Adakah anda setuju bahawa program <i>Soft Skills</i> berupaya meningkatkan penglibatan anda di dalam dewan/bilik kuliah?	79% (294)	21% (79)
	6	Adakah anda setuju bahawa program <i>Soft Skills</i> berupaya memperbaiki sahsiah pelajar KUKTEM?	74% (276)	26% (97)

Jadual 3: Penilaian terhadap program oleh pelajar

Domain	No	Item	Ya	Tidak
Kesedaran (<i>Awareness</i>)	1	Adakah anda menyedari kewujudan program <i>Soft Skills</i> di KUKTEM?	98% (48)	2% (1)
	2	Adakah anda menyedari bahawa anda perlu menilai pelajar melalui program <i>Soft Skills</i> ?	98% (48)	2% (1)
Pemahaman (<i>Understanding</i>)	3	Adakah anda faham elemen-elemen yang wujud dalam program <i>Soft Skills</i> ?	82% (40)	18% (9)
	4	Adakah anda faham bagaimana anda perlu menilai pelajar anda dalam program <i>Soft Skills</i> ?	73% (36)	27% (13)
Implikasi (<i>Implication</i>)	5	Adakah anda setuju bahawa program <i>Soft Skills</i> berupaya meningkatkan penglibatan pelajar di dalam dewan/bilik kuliah?	78% (38)	22% (11)
	6	Adakah anda setuju bahawa program <i>Soft Skills</i> berupaya memperbaiki sahsiah pelajar KUKTEM?	77% (37)	23% (12)

Jadual 4: Penilaian terhadap program oleh kakitangan akademik